

جابتن اكام اسلام سلاڠور



JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)
SELANGOR ISLAMIC RELIGION DEPARTMENT

Tingkat 1, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah,
No.2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40676 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Telefon: 03-5514 3400/3600
Laman Web: www.jais.gov.my
E-mel: info@jais.gov.my

Facebook: Jabatan Agama Islam Selangor - Rasmi
Instagram/YouTube/TikTok/X: @jaisel_official



ISLAMIC • SAVOUR • OBEDIENCE

#KitaSelangor



Ruj. kami : JAI.Sel.BPM/01/025/15 (28)
Tarikh : 7 Muharam 1447H
3 Julai 2025M



Nazir

Masjid Kampung Jawa,
Lot PT 14333 & PT 14346,
Batu 18, Jalan Sungai Lui,
43100 HULU LANGAT, SELANGOR.

Tuan,

PERMOHONAN LANJUTAN DAN PENGEMASKINIAN JAWATANKUASA PENAJA PEMBINAAN MASJID BARU KAMPUNG JAWA BATU 18, JALAN SUNGAI LUI, 43100 HULU LANGAT, SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid Dan Surau Negeri Selangor (JATUMS) Bil.3/2025** pada **30 Jun 2025** telah bersetuju meluluskan Permohonan Lanjutan dan Pengemaskinian Jawatankuasa Penaja Pembinaan Masjid Baru Kampung Jawa Batu 18, Jalan Sungai Lui, 43100 Hulu Langat, Selangor **bagi tempoh 3 tahun, berkuatkuasa 30 Jun 2025 sehingga 30 Jun 2028**. Kelulusan pembinaan ini juga tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah di tetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kepada Jawatankuasa Penaja Pembinaan seperti berikut: -

2.1. Tanggungjawab Umum

2.1.1. **Penggantian mana-mana ahli Jawatankuasa** Pembinaan yang meletakkan jawatan hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada pihak JAIS melalui Pejabat Agama Islam Daerah masing-masing dalam tempoh 3 bulan dari tarikh penggantian tersebut untuk disahkan semula di dalam Mesyuarat JATUMS.

2.1.2. Jawatankuasa hendaklah mengambil maklum bahawa JAIS dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada bila-bila masa **boleh melantik** mana-mana pegawai di bawah seliaan agensi berkenaan sebagai Ahli Jawatankuasa bagi mewakili kepentingan JAIS dan MAIS dalam pembinaan masjid tersebut.



Ruj. kami : JAI.Sel.BPM/01/025/15 (28)

- 2.1.3. Orang Besar Daerah hendaklah menjadi Penaung kepada Jawatankuasa Pembinaan dan Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah hendaklah menjadi Penasihat Jawatankuasa Pembinaan.
- 2.1.4. Jawatankuasa Pembinaan adalah bertanggungjawab untuk memberi maklum balas dari semasa ke semasa kemajuan kutipan dana, kemajuan projek dan isu-isu teknikal berkenaan pembinaan surau kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah atau Bahagian Pengurusan Masjid JAIS.
- 2.1.5. Kelulusan pembinaan ini hanya **berkuat kuasa bagi tempoh 3 tahun** sahaja dari tarikh kelulusan dikeluarkan.
- 2.1.6. Sekiranya tempoh tambahan bagi kelulusan pembinaan diperlukan, Jawatankuasa Pembinaan hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada pihak JAIS selewat-lewatnya 3 bulan sebelum tamat tempoh tersebut.
- 2.1.7. Mengemukakan kepada pihak JAIS senarai Jawatankuasa Interim untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Masjid Dan Surau Negeri Selangor (JATUMS) bagi mentadbir surau berkenaan.
- 2.1.8. Mendaftarkan masjid berkenaan dibawah penyeliaan JAIS selaras dengan peruntukkan Seksyen 96 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

2.2 Tanggungjawab Perancangan dan Pembangunan

- 2.2.1 Jawatankuasa Pembinaan hendaklah mengadakan perbincangan bersama Bahagian Pengurusan Masjid JAIS dan Unit Pembangunan JAIS mengenai **komponen pembangunan masjid yang dicadangkan** agar menepati *standard* keperluan masjid semasa.
- 2.2.2 **Jawatankuasa Pembinaan hendaklah merujuk kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor** dalam perkara-perkara berikut :-
 - a. Penentuan Arah kiblat;
 - b. Kedudukan tangga (bagi bangunan bertingkat);
 - c. Kedudukan tandas masjid;
 - d. Kaligrafi/tatahiasan tulisan al-Quran di dalam masjid; dan
 - e. Lain-lain perkara yang memerlukan pandangan pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- 2.2.3 Permohonan KM ke pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak boleh dibuat melainkan **setelah dana wakaf pembinaan di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah mencapai 50%** daripada keseluruhan dana yang diperlukan.

Ruj. kami : JAI.Sel.BPM/01/025/15 (28)

- 2.2.4 **Pelan-pelan Permohonan Kebenaran Merancang** hendaklah dihantar ke :
- a. Unit Pembangunan JAIS untuk **ditandatangani** oleh Pengarah JAIS sekiranya tapak merupakan tanah warta; atau
 - b. Setiausaha MAIS sekiranya status tapak tersebut merupakan tanah wakaf, sebelum dikemukakan kepada PBT.
- 2.2.5 Jawatankuasa Pembinaan hendaklah mendapatkan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (PB) dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 2.2.6 Menyerahkan satu **salinan kelulusan** KM dan PB yang diluluskan oleh pihak PBT kepada Bahagian Pengurusan Masjid JAIS.
- 2.2.7 **Kerja-kerja tanah di tapak pembinaan** tidak boleh dimulakan melainkan setelah mendapat kelulusan KM dan PB dari pihak PBT.
- 2.2.8 Merujuk kepada **Koridor Utiliti Selangor Sdn. Bhd (KUSEL)** yang beralamat di Tingkat 19, Wisma Ehsan, Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, jika kerja-kerja pembinaan/naik taraf surau melibatkan perkara-perkara berikut:
- a. Permohonan bagi permit kerja-kerja penyediaan, pemasangan dan penyelenggaraan infrastruktur utiliti asas seperti air, elektrik dan kumbahan; dan
 - b. Kerja-kerja penggalian jalan, penyelenggaraan dan baik pulih laluan utiliti.
- Permohonan ke KUSEL hendaklah di buat segera sebaik sahaja Permohonan KM atau Kelulusan Pelan PB diluluskan oleh PBT bagi mengelakkan kelewatan kelulusan permohonan utiliti.
- 2.2.9 **Tidak dibenarkan mengadakan Majlis Pecah Tanah** di tapak pembinaan melainkan setelah mendapat nasihat dan pandangan dari Orang Besar Daerah.
- 2.2.10 Memaklumkan dan mendapatkan kebenaran semula pihak Pengarah JAIS atau Setiausaha MAIS jika terdapat sebarang **pindaan terhadap cadangan** dan juga Pelan KM.
- 2.2.11 Sebarang arahan perubahan kerja (*verification order*) kepada pihak perunding dan kontraktor yang akan turut melibatkan pertambahan kos pembinaan **hendaklah dirujuk kepada Unit Pembangunan JAIS** untuk semakan dan kelulusan.
- 2.2.12 Bangunan masjid tidak boleh digunakan oleh jemaah selagi proses penyerahan oleh pihak kontraktor berserta dengan **Certificate Completion And Compliance (CCC)** dari pihak PBT belum diperolehi.

Ruj. kami : JAI.Sel.BPM/01/025/15 (28)

- 2.2.13 Laporan status kemajuan terkini cadangan pembinaan masjid hendaklah dikemukakan kepada pihak JAIS melalui Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) setiap kali Mesyuarat Tapak bagi projek berkenaan bersidang.
- 2.2.14 Pembinaan ini adalah juga **tertakluk** dengan Garis Panduan Pembinaan Masjid, Surau dan Struktur Bangunan Tambahan Di Tapak Masjid dan Surau dengan Menggunakan Peruntukan Kerajaan atau Bukan Peruntukan Kerajaan Negeri.

2.3 Tanggungjawab Kewangan

- 2.3.1. Membuka akaun khas wakaf di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan **hendaklah** menyalurkan semua kutipan dana sumbangan pembinaan ke akaun wakaf tersebut.
- 2.3.2. Jawatankuasa pembinaan adalah **tidak dibenarkan** sama sekali menyimpan di akaun sementara, memindah ke akaun lain atau menggunakan dana kutipan wakaf tersebut melainkan bagi tujuan pembinaan surau dan dengan kebenaran dari PWS.
- 2.3.3. Jawatankuasa pembinaan hendaklah memastikan penerimaan dan perbelanjaan hendaklah di buat berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Kewangan, Perolehan Dan Aset Masjid Dan Surau Negeri Selangor Tahun 2023 atau mana-mana sistem perakaunan standard yang boleh dijadikan rujukan dan panduan.
- 2.3.4. Jawatankuasa hanya dibenarkan untuk **membuka satu (1) akaun pembinaan sahaja.**
- 2.3.5. Jawatankuasa **tidak dibenarkan sama sekali untuk membuka akaun kedua** di mana-mana bank tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari pihak JAIS.
- 2.3.6. Jawatankuasa adalah dikehendaki untuk mengemukakan laporan kutipan dan perbelanjaan tahunan pembinaan masjid pada setiap tahun kepada Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS sebelum berakhir bulan Mac setiap tahun berikutnya.
- 2.3.7. Pihak JAIS dan MAIS pada bila-bila masa boleh menyemak rekod-rekod kewangan kutipan dan perbelanjaan Jawatankuasa Pembinaan agar dapat dikendalikan seperti kehendak garis panduan kewangan yang berkuat kuasa.
- 2.3.8. Jawatankuasa Pembinaan hendaklah mengambil maklum dan perhatian serius bahawa **perbuatan salah guna kuasa, penyelewengan dan mengemukakan tuntutan palsu adalah kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.**

Ruj. kami : JAI.Sel.BPM/01/025/15 (28)

3. Walau apa pun yang dinyatakan, Pengarah JAIS berhak menetapkan apa-apa syarat dan peraturan tambahan dari semasa ke semasa mengenai kelulusan pembinaan ini.


4. Kelulusan ini **boleh ditarik balik** sekiranya pihak tuan gagal mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak MAIS dan JAIS seperti yang dinyatakan dalam surat ini.

Bersama-sama ini disertakan Senarai Jawatankuasa Penaja Pembinaan yang telah diluluskan untuk tindakan serta makluman pihak tuan.

Sekian dimaklumkan, wassalam

"#KITA SELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI HASHIM BIN MUHAMAD) S.I.S.,P.P.T.
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Masjid
b.p. Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor

s.k : **Penolong Pengarah**
Unit Pembangunan

Pegawai Tadbir Agama
Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat

**SENARAI JAWATANKUASA PENAJA PEMBINAAN MASJID KAMPUNG JAWA
SUNGAI LUI**

BIL	NAMA	NO.K/P	JAWATAN	NO.TEL
1	TUAN IR. HJ. MUHAMAD SUYAT BIN HJ. ABDUL KADIR	[REDACTED]	PENGERUSI	019-27 [REDACTED]
2	DATO' DR. HJ. ABDUL AZIZ BIN ABDULLAH	[REDACTED]	TIMB. PENGERUSI	019-33 [REDACTED]
3	USTAZ MUHAMAD MASRI BIN ALI	[REDACTED]	SETIAUSAHA	011-2 [REDACTED] 7
4	HJ. ARIF BIN YUSOF	[REDACTED]	BENDAHARI	019-67 [REDACTED] 7
5	HJ. JAMALI BIN KAMARUDIN	[REDACTED]	AJK	019-6 [REDACTED] 3
6	HJ. JALALUDDIN BIN MOHD NOR	[REDACTED]	AJK	019- [REDACTED] 1
7	MAT AMIN BIN MAN	[REDACTED]	AJK	013-355 [REDACTED]
8	AFRODI BIN ALI	[REDACTED]	AJK	019-66 [REDACTED]
9	HJ. BOYADI BIN TOPANI	[REDACTED]	AJK	019-2 [REDACTED]
10	MOHAMMAD FIRDAUZ BIN MOHD AYOB	[REDACTED]	AJK	016-4 [REDACTED]
11	HJ. ADNAN BIN IBON	[REDACTED]	AJK	019-2 [REDACTED]
12	HJ. RAMLY BIN YUNAN	[REDACTED]	AJK	019-3 [REDACTED]
13	HJ. RAHIM BIN MOHD NOR	[REDACTED]	AJK	019-62 [REDACTED]

